

Headline	TNB Research perkukuh R&D, inovasi		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	13 Mar 2019	Language	Malay
Circulation	112,050	Readership	336,150
Section	Ekonomi	Page No	38
ArticleSize	409 cm ²	Journalist	SHAHIZAM TAZALI
PR Value	RM 24,251		



TNB Research perkukuh R&D, inovasi

Oleh SHAHIZAM TAZALI
ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 12 MAC

TNB Research Sdn. Bhd. akan mempertingkatkan program penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta inovasi bagi menjana penciptaan nilai dalam industri tenaga domestik dan antarabangsa.

Ketua Pegawai Strateginya, Ir. Dr. Mohd. Fadzil Mohd. Siam berkata, sebanyak RM120 juta telah dibelanjakan pada tahun lalu untuk R&D dan pihaknya berjaya mencipta nilai sehingga enam kali ganda daripada jumlah yang dilaburkan.

Menurut beliau, penciptaan nilai dihasilkan dalam pelbagai bentuk seperti produk dan sistem baharu, mengoptimumkan proses dan kecekapan.

"Selain melaksanakan R&D di peringkat dalaman, kami juga bekerjasama dengan pelbagai syarikat dari luar negara termasuk Korea Selatan, Jepun dan Vietnam.

Produk-produk yang dihasilkan bukan sahaja untuk kegunaan Tenaga Nasional Berhad (TNB), tetapi untuk negara dan dikomersialkan kepada pihak luar.



ISNARAISAH MUNIRAH Majlis (kanan) mendengar penerangan daripada Ketua Seksyen Kumpulan Kejuruteraan Forensik TNB, Hafizudin Kasim (dua dari kiri) sambil diperhatikan Mohd. Fadzil Mohd. Siam (kiri) ketika melawat pameran sempena Hari Terbuka TNB Research 2019 di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/FARID JANUDIN

"Kepakaran TNB Research dalam pelbagai bidang membolehkan kami terpilih menyertai rangkaian pintar di negara maju seperti Jepun dan Jerman. Pakar kami juga mewakili Ma-

laysia di pentas antarabangsa sekali gus mengangkat penyelidikan negara ke persada lebih tinggi khususnya dalam sektor tenaga," katanya dalam majlis Hari Terbuka TNB Research 2019

di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC), Isnaraissah Munirah Majlis.



Dalam pada itu, Isnaraissah Munirah berkata, syarikat-syarikat milik kerajaan (GLC)

harus mencontohi TNB yang menggalakkan R&D dan inovasi melalui anak syarikatnya.

"Usaha TNB dalam membangunkan kepakaran dalaman selari dengan komitmen Kementerian ke arah keupayaan inovasi negara di samping meningkatkan kadar pengkomersialan aktiviti R&D," katanya.

Tambah Isnaraissah Munirah, pihaknya menyasarkan 100 penyelidikan Kementerian MESTECC akan dihantar ke industri pada tahun ini bagi memberi pendanaan kepada industri selain menjadi platform terbaik dalam memperkenalkan dan memperkasa perkongsian pintar.

Hari Terbuka TNB Research 2019 merupakan program tahunan yang menampilkan 22 pameran dan program seminar ringkas berkaitan industri utiliti. Selain itu, sebanyak empat buah buku terbitan TNB Research turut dilancarkan.